

Landskap baru muzium

Persepsi muzium perlu diubah supaya selari dengan perkembangan teknologi

U. Malaysia. 19/09/14 MS 20



SUSUNAN artifak perlu digabungkan dengan multimedia bagi menjadikan bahan pameran lebih menarik.

“Kita perlu melihat muzium itu bukan sekadar dari sudut pelancongan malah dari sektor pendidikan. Pendidikan dan pelancongan itu harus bergabung untuk menghasilkan satu budaya ilmu

KETIKA Malaysia menyambut ulangtahun kemerdekaan ke-56 pada 31 Ogos, Muzium Negara juga akan menyambut 50 tahun kewujudannya dengan sambutan Jubli Emas di Jalan Damansara di sini mulai 30 Ogos hingga 1 September.

Tumpuan bagi sambutan selama tiga hari itu ialah acara ‘Bermalam di Muzium’ yang akan berlangsung selama tiga hari. Pelancaran duit syiling dan setem khas (31 Ogos) pada 31 Ogos.

Ketua Pengarah Muzium Negara, **Datuk Ibrahim Ismail** memberitahu Bernama, lebih banyak lagi muzium perlu dibina agar Koleksi artifak yang berharga diletakkan di lokasi dan bangunan yang sesuai mengikut saiz dan ketinggian nilai sesuatu artifak itu.

“Kita wajar mewujudkan muzium yang lain di negara kita, contohnya muzium Alam Semulajadi, kita cukup banyak mempunyai alam khazanah semulajadi negara yang bernilai, buat masa ini kita hanya ada Muzium Alam Semulajadi yang bersifat sementara sahaja di Putrajaya,” katanya kepada Bernama selepas persidangan akhbar mengenai Sambutan Jubli Emas Muzium Negara (1963-2013) di sini baru-baru ini.

Ibrahim berkata, beliau ingin membina muzium-muzium khusus

seperti Muzium Budaya Masyarakat Melayu, Muzium Senjata dan pelbagai lagi kerana yakin melalui langkah itu ia mampu menarik perhatian masyarakat.

“Muzium Negara menyasarkan 3.4 juta pelancong melalui kunjungan pelancong di 21 buah muzium cawangan di seluruh negara, sasaran ini boleh dicapai jika konteks peragaan pameran dan artifak dibuat dengan lebih teliti dan mendalam di semua muzium yang ada,” katanya.

Ibrahim tidak menafikan perlunya ruang yang lebih luas di kawasan muzium setelah 50 tahun penubuhannya bagi menarik lebih ramai pelancong apatah lagi tahun hadapan Malaysia bakal diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Malaysia.

“Muzium Negara boleh merangka ke arah itu namun sudah tentu memerlukan sokongan pelbagai pihak khususnya di peringkat kementerian untuk merealisasikan hasrat ini,” katanya.

Perubahan landskap

Bekas Pengarah Jabatan Muzium Wilayah Tengah, **Zainal Abidin Jamaluddin**, 59, menyatakan Muzium Negara perlu merubah persepsi muzium menjadi satu alam teknologi yang menggunakan pendekatan sepenuhnya dengan multimedia.

Menurutnya artifak dan multimedia perlu digabungkan menjadi satu bahan pameran menarik agar dapat



MUZIAM Negara perlu merubah persepsi muzium menjadi satu alam teknologi yang menggunakan pendekatan sepenuhnya dengan multimedia.

menghasilkan teknik persembahan berkualiti untuk dipertontonkan kepada masyarakat.

“Misalnya masyarakat mahu melihat sekeping gambar yang dapat menceritakan sejarah kemerdekaan negara secara tiga dimensi. Selain dapat menyelami sejarah mereka juga dapat menikmati keseronokkan,” katanya.

Zainal berkata masyarakat ingin berinteraksi secara langsung dengan pelbagai artifak yang ada selain memberi ruang kepada mereka kembali ke zaman silam melalui pelbagai pendekatan teknologi multimedia di dalam muzium.

“Bayangkan pengunjung muzium dapat kembali ke tahun 1963 melalui pelbagai aplikasi canggih seperti 3D dan 4D, itulah keseronokan yang dimahukan bukan sekadar membaca informasi yang ada di dinding,” katanya.

Zainal Abidin berkata, setelah 50 tahun penubuhan Muzium Negara sewajarnya pegawai yang bertugas diberikan pendidikan formal tentang kaedah teknologi maklumat yang dapat dilakukan di Muzium Negara.

“Kita bercakap tentang teknologi dan alat-alat yang digunakan di muzium untuk menarik perhatian masyarakat, sewajarnya pegawai ini dilengkapi dengan ilmu itu bagi menarik perhatian orang ramai datang ke muzium,” katanya.

Zainal juga mengutarakan

cadangannya diwujudkan muzium-muzium khusus agar sesuatu bidang artifak dan khazanah negara diasingkan mengikut kehendak dan citarasa masyarakat dari pelbagai peringkat umur.

“Saya pernah melawat bandar-bandar besar di luar negara, dari satu km ke satu km yang lain saya sudah berada di dalam enam buah muzium. Kita di KL tiada Muzium Patung untuk kanak-kanak, kita tiada muzium Dinosaurs... Banyak yang kita tiada...”

“Misalnya Muzium Kasut, adanya kasut Aladdin dan kasut kayu. Jadi kalau kita bawa anak kecil atau orang dewasa, mereka dapat mengimbau kembali sejarah... Oh ini kasut datuk nenek moyang aku dahulu pada tahun 1950-an dan 1960-an,” katanya lagi.

Zainal menekankan selepas 50 tahun terbinanya Muzium Negara amat perlu pihak muzium bergabung dengan pihak sekolah, universiti mahupun generasi Y agar mereka diberi peluang secara interaktif untuk mendalami peranan dan artifak yang ada di Muzium Negara.

“Kita perlu melihat muzium itu bukan sekadar dari sudut pelancongan malah dari sektor pendidikan. Pendidikan dan pelancongan itu harus bergabung untuk menghasilkan satu budaya ilmu dan dalam masa yang sama memberi kepuasan untuk bersantai,” katanya. — **BERNAMA**